



Pertandingan KAWAD KECEKAPAN

Operasi Kebombaan Peringkat Kebangsaan 2008

BULETIN

Bil.4/2008 (17 Julai 2008)

Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia



Penantian JUARA' Semakin Hampir



"Penantian juara semakin hampir ..." itulah ungkapan yang kini terbayang pada majoriti kontinjen-kontinjen negeri yang menyertai Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan Peringkat Kebangsaan Tahun 2008. Banyak telahan dibuat dan sekiranya berdasarkan pengumpulan markah, ramai boleh meneka dengan tepat kontinjen manakah yang bakal dinobatkan sebagai juara.

Kini tinggal satu acara yang mungkin boleh membantu menaikkan markah kontinjen-kontinjen negeri, iaitu Fire Fighters' Challenge (FFC). FFC yang akan berlangsung pada 17 Julai dan 18 Julai 2008 pastinya memberikan cabaran yang bukan sedikit kepada pasukan-pasukan negeri. Marilah kita sama-sama tunggu dan menantikan siapakah juara di antara juara.



coretan KETUA EDITOR

Salam sejahtera dan salam hormat,

Penantian siapakah juara bagi acara-acara di dalam PKK 2008 hampir terjawab. Juara-juara baru bagi acara muncul dan mencatatkan sejarah dalam PKK 2008. Tahniiah kepada Kontinjen WP Labuan Berjaya menjuarai Acara Kawad Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalanraya diikuti dengan Kontinjen Negeri Selangor selaku Juara Kawad Operasi Hantaran Jauh Berhalangan, Kontinjen Negeri Pahang menjuarai Acara Kawad Operasi Menyelamat dan Menurunkan Mangsa. Acara Sindiket Perancangan Strategi Taktik Operasi pula disandang oleh Kontinjen Negeri Selangor dan Acara Kawad Operasi Menyelamat di Air dijuarai oleh Kontinjen Negeri Pulau Pinang. Persaingan di antara kontinjen-kontinjen negeri begitu hebat dan mendebarkan kerana masing-masing telah menghitung peluang untuk muncul Juara Keseluruhan PKK 2008. Apa yang ketara dalam pemerhatian dan ulasan pegawai wasit, setiap anggota pasukan perlu mempertingkatkan lagi kemahiran, meluaskan pengetahuan serta pengalaman secara global di samping meningkatkan kualiti dan mutu kerja dalam pelaksanaan kerja untuk kepentingan jabatan. Semangat kerja berpasukan (*team work*) dan hubungan komunikasi dalam pelaksanaan kerja masih ada ruang untuk penambahbaikan dan perlu diberikan perhatian yang serius serta mendalam. Namun begitu, perjuangan masih belum berakhir kerana esok adalah acara paling sengit dan berprestij – *Firefighters' Challenge*. Selamat berjuang untuk menempah kejayaan seterusnya...

SIDANG REDAKSI

Penaung

PgKB1 Norazam Bin Khamis

Ketua Editor

PgB Jupirik @ Jupiri Bin Apou

Editor

PgB Henderi Bin Ardimansyah

PPgB Mohd Sabri Bin Ismail

PBIII Thoyyibah Binti Taib

Rekabentuk Grafik

PBIII Thoyyibah Binti Taib

PB Mohd Azam Bin Mohd Noor

PB Murni Binti Mohamad

PB Lizawati Binti Mohd Nasir

Fotografi

PBII Suki Bin Anuar

PB Raja Arisan Sahseni

PB Rassyidee Bin Che Bebakar

PB Mohd Hazri Bin Abd Manan

PB Mohd Hazirul Anuar

PB Mohd Faizal Bin Sulaiman

PB Mohd Kharul Anuar

PB Norashid Bin Mamat

PB Zulkarnaian Bin Abd Karim

Pembantu Sidang Redaksi

Pegawai Kadet Siri 1/2008

RALAT (BULETIN BIL. 3/2008)

M/S	KESALAHAN	PINDAAN
3	PPJB ABU OBAIBAT BIN M. SAITHALIMAT	PgKB I ABU OBAIDAT BIN M. SAITHALIMAT
9	PENGUASA KANA BOMBA I	PENGUASA KANAN BOMBA I
	PENOLONG KANAN BOMBA II	PENGUASA KANAN BOMBA II

MAKLUMAN

Bacaan Yassin, Tahlil, Tazkirah dan Solat Hajat

Tempat : Surau FRAM
Tarikh : 17 Julai 2008
Masa : 6.30pm

WAKTU SOLAT

DAERAH MARANG DAN KUALA TERENGGANU
17 JULAI 2008 (KHAMIS) BERSAMAAN 14 REJAB 1429 HIJRAH

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.40	7.02	1.16	4.40	7.27	8.41



Tok Gajah Kekal Juara



Pertandingan Kawad Operasi Menyelamat Menurunkan Mangsa

KEPUTUSAN RASMI PKK 2008 ACARA KAWAD OPERASI MENURUNKAN MANGSA

NEGERI	KEPUTUSAN
 PAHANG	1
 SELANGOR	2
 LABUAN	3
 MELAKA	4
 PERLIS	5
 JOHOR	6
 KELANTAN	7
 P.PINANG	8
 SARAWAK	9
 PERAK	10
 WPKL	11
 TERENGGANU	12
 SABAH	13
 N.SEMBILAN	14
 KEDAH	15

Negeri Pahang Darul Makmur berjaya mengekalkan kejuaraan dalam acara Kawad Operasi Menurunkan Mangsa bagi tahun 2008 dengan catatan masa 2 minit 18.60 saat, tempat kedua dengan catatan masa 2 minit 33.03 saat dimenangi oleh Negeri Selangor dan tempat ketiga pula disandang oleh Wilayah Persekutuan Labuan dengan catatan masa 2 minit 38.63 saat .

Apa yang membanggakan ialah ketiga-tiga pasukan ini telah berjaya mengatasi catatan masa juara tahun lepas iaitu 2 minit 42.03 saat yang dibuat oleh Pasukan Negeri Pahang sendiri. Catatan masa ini membuktikan suatu kemajuan dan peningkatan prestasi yang ditunjukkan oleh pasukan-pasukan yang bertanding.

Sebagaimana yang diulaskan oleh Wasit pertandingan, PgKB 1 Mohd Tilmizi Bin Mustapa bahawa secara keseluruhannya pertandingan ini telah berjalan dengan baik dan lancar namun beberapa aspek perlu diperhatikan khususnya hal-hal yang melibatkan keselamatan mangsa, peralatan dan kelengkapan.

Lebih menarik ,bagi pertandingan yang akan datang, Wasit mencadangkan agar mangsa hendaklah diambil dari kalangan pengadil agar dapat menilai secara dekat bagaimana mangsa dikendalikan. Beliau mengucapkan tahniah kepada penganjur, pengadil dan peserta kerana telah memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan acara ini.

Dengan diringi oleh YS Komandan, PgKB 1 Norazam Bin Khamis, Wasit Acara PgKB 1 Mohd Tilmizi Bin Mustapa telah diberi penghormatan bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang.

* Untuk pengesahan, sila berhubung dengan Urusetia



KAWAD KECEKAPAN OPERASI KEDOMBANGAN PKK 2008



Acara Kawad Operasi Hantaran Jauh Berhalangan berakhir pada hari ketiga dengan pelbagai aksi dan persembahan dari semua kontinjen. Kecekalan dan kekuatan semangat pasukan yang tidak mudah menyerah kalah telah membuah hasil bagi Kontinjen Negeri Selangor yang berjaya mempertahankan kejuaraan tahun 2007 bagi acara Kawad Operasi Hantaran Jauh Berhalangan PKK 2008. Kombinasi kecekapan dan kemahiran anggota pasukan yang dikukuhkan oleh semangat setia kawan dan semangat kerja berpasukan (*team work*) merupakan kunci utama kejayaan yang bermakna bagi Kontinjen Negeri Selangor. Kontinjen ini berjaya mengatasi kehebatan 14 buah kontinjen lain yang juga memberikan persaingan yang begitu sengit. Pengadil pertandingan ini telah diketuai oleh PgKB I Abu Obaidat bin Mohamad manakala Pegawai Wasit pula adalah PPjB Soberi bin Basiran. Penyampaian piala dan hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh wasit pertandingan PPjB Soberi Bin Basiran.

	WPKL	2
	KEDAH	3
	P.PINANG	4
	MELAKA	5
	SARAWAK	6
	JOHOR	7
	SABAH	8
	LABUAN	9
	TERENGGANU	10
	PAHANG	11
	PERLIS	12
	KELANTAN	DQ
	N.SEMBILAN	DQ
	PERAK	DQ

* Untuk pengesahan, sila berhubung dengan Urusetia



Mutiara Baru WP Labuan



Kawad Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalanraya



KEPUTUSAN RASMI PKK 2008 ACARA KAWAD HANTARAN JAUH BERHALANGAN

NEGERI	KEPUTUSAN
 LABUAN	1
 SARAWAK	2
 N.SEMBILAN	3
 JOHOR	4
 WPKL	5
 KELANTAN	6
 SELANGOR	7
 SABAH	8
 P.PINANG	9
 PAHANG	10
 PERAK	11
 PERLIS	12
 TERENGGANU	13
 KEDAH	14
 MELAKA	15

Pertandingan Kawad Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalanraya menamatkan aksinya dengan Kontinjen Negeri Terengganu sebagai pasukan terakhir mempersembahkan kecekapan dan kemahiran dalam acara ini. Kekentalan semangat untuk mencapai prestasi yang terbaik telah menobatkan Kontinjen WP Labuan sebagai Juara Baru Kawad Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalanraya PKK 2008. Naib Johan dan tempat ketiga dimenangi oleh Kontinjen Negeri Sarawak dan Kontinjen Negeri Johor.

Secara keseluruhannya, mutu pencapaian dan prestasi semua kontinjen adalah memuaskan. Acara ini telah diungguli oleh Kontinjen Negeri W.P. Labuan kerana pasukan ini mewujudkan komunikasi yang jelas dalam pasukan dan persekitaran kerja yang rapi melalui perancangan dan pelaksanaan tindakan untuk menyelamatkan mangsa dalam tempoh yang optima. Pengadil pertandingan ini diketuai oleh PPjB Md Ali bin Ismail dan Pegawai Wasit pula adalah PgKB1 Abdul Razak bin Muda. Penyampaian hadiah pemenang telah disempurnakan oleh PgKB I Abdul Razak bin Muda.

* Untuk pengesahan, sila berhubung dengan Urusetia



HIMPUNAN

JUARA KAWAD KAKI



KELANTAN

JUARA HANTARAN



SELANGOR

JUARA TABLE-TOP



SELANGOR

JUARA MENYOK



PULAU PINANG



JUARA

JUARA BERHALANGAN

JUARA RTA



LANGKAT

LABUAN

SELAMAT DI AIR

**JUARA MENYELAMAT
MENURUNKAN MANGSA**



PINANG

PAHANG



PERTANDINGAN SINDIKET PERANCANGAN / STRATEGI TAKTIK OPERASI (Table T

Hari ini (16 Julai 2008) menyaksikan sebuah pasukan dari 15 pasukan negeri-negeri mengungguli acara Pertandingan Sindiket Perancangan / Strategi Taktik Operasi (*Table Top*). Pasukan Negeri Selangor telah muncul sebagai johan acara "table top" pada tahun 2008 ini. Pasukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan pasukan Negeri Sabah pula menduduki tempat ke-2 dan ke-3 bagi acara Pertandingan Sindiket Perancangan / Strategi Taktik Operasi.


















Memetik kata-kata Ketua Pengadil Pertandingan, PKPjB Othman bin Abdullah yang memberi ulasan keseluruhan pertandingan, peserta-peserta telah berjaya dalam acara tersebut umumnya. Namun terdapat beberapa perkara yang boleh dipertingkatkan pada masa hadapan iaitu seperti keperluan perancangan strategi yang lebih teliti.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Wasit Pertandingan, PPjB Mohd. Rodzi bin Sulaiman. Pada majlis tersebut juga, sebagai tanda sokongan dan tuan rumah, PgB Ahmad Tarmidzi bin Khalil, Adjutan ABPM Wakaf Tapai turut hadir bagi pihak Akademi. Sebagai tanda kenang-kenangan dan penghargaan, cenderamata berupa plak telah disampaikan oleh wakil Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, PgB Ahmad Tarmidzi bin Khalil kepada Wasit Pertandingan, PPjB Mohd. Rodzi bin Sulaiman.

Majlis telah berakhir dengan sesi fotografi pemenang-pemenang tempat pertama, kedua dan ke-3 bagi acara "Table top". Kepada para pemenang, tahniah diucapkan.



KEPUTUSAN RASMI PKK 2008	
TABLE TOP	
NEGERI	KEPUTUSAN
 SELANGOR	1
 WPKL	2
 SABAH	3
 PERAK	4
 KELANTAN	5
 JOHOR	6
 LABUAN	7
 SARAWAK	8
 N.SEMBILAN	9
 PERLIS	10
 PAHANG	11
 KEDAH	12
 P.PINANG	13
 TERENGGANU	14
 MELAKA	15

* Untuk pengesahan, sila berhubung dengan Urusetia



Pertandingan Kawad Operasi Menyelamat Di Air


















Kawad Operasi ini telah memperkayakan pengalaman yang memberangsangkan bagi Pasukan Negeri Pulau Pinang dimana pasukan ini telah diisytiharkan johan bagi acara ini. Naib Johan di menangi oleh Pasukan Negeri Sembilan manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sekadar ditempat ketiga.

Pertandingan yang diadakan di Tasik Puteri, Bukit Besi Terengganu ini telah menyaksikan kehebatan pasukan dari Pulau Mutiara yang mencatatkan masa terbaik 10 minit 32.360 saat. Sebagaimana tahun lepas acara telah mendapat perhatian dan sokongan yang padu dari Yang Berhormat Dato, Haji Din bin Adam ADUN Bukit Besi dimana beliau telah meluangkan masa untuk bersama dengan peserta-peserta dan seterusnya berkesempatan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang.

Dengan berkat kerjasama dan komitmen oleh semua pihak, Pertandingan Kawad Operasi Menyelamat Di Air bagi tahun 2008 telah dapat dijalankan dengan lancar dan jayanya.

KEPUTUSAN RASMI PKK 2008 MENYELAMAT DI AIR

NEGERI	KEPUTUSAN
 P.PINANG	1
 N.SEMBILAN	2
 WPKL	3
 SABAH	4
 TERENGGANU	5
 JOHOR	6
 KELANTAN	7
 SARAWAK	8
 PAHANG	9
 PERLIS	10
 MELAKA	11
 SELANGOR	12
 PERAK	DQ
 LABUAN	DQ
 KEDAH	DQ



* Untuk pengesahan, sila berhubung dengan Urusetia



FOR

'AMANAH'

"Amanah adalah tanggungjawab yang besar". Itulah petikan daripada awal ucapan yang dapat diambil semasa forum perdana bertajuk "Amanah". Forum yang membariskan panel-panel hebat dan dijemput khas sebagai pengisian kerohanian semasa berlangsungnya Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan Peringkat Kebangsaan Tahun 2008 kali ini. Panel-panel yang membicarakan topik "Amanah" terdiri daripada Ustaz Fitri bin Abdullah, dan Ustaz Badli Shah bin Alauddin serta Ustaz Mohd. Suhaimi bin Endut selaku pengerusi forum.

Forum Perdana merupakan anjuran bersama pihak Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Terengganu FM. Forum yang berlangsung di Dewan Auditorium pada malam semalam (16 Julai 2008) telah memulakan acara pada jam 9.00 malam. Antara tetamu-tetamu kehormat yang hadir adalah PKP Bahagian Latihan, PKP Bahagian Pembangunan, PKP Bahagian Udara, Pengarah Pengurusan, Pengarah Negeri Sarawak dan Pengarah Negeri Sembilan. Lebih kurang 600 orang telah memenuhi Dewan Auditorium yang majoritinya merupakan peserta PKK 2008.

Isi-isi menarik yang telah dikupas oleh panel-panel forum adalah kepentingan sifat amanah kepada masyarakat dan perkhidmatan awam. Forum Perdana telah berakhir pada jam 10.45 malam. Semoga wadah keilmuan sebegini dapat dijadikan pengisian wajib pada PKK akan datang.



Panel-panel yang membicarakan topik "Amanah" terdiri daripada Ustaz Fitri bin Abdullah, dan Ustaz Badli Shah bin Alauddin serta Ustaz Mohd. Suhaimi bin Endut selaku pengerusi forum.



SENYUM BOMBA

Setakat nak selamatkan mangsa, aku pun takda hal punye...Eleh..

Dengan adanya *life jacket*, *kerjaku* manjadi mudah

Cepat-cepat!!aku dah tak tahan dok Lama-lama dalam air

Sabar penyelamat dah nak pergi ni...haiya...

Huh..nasib baik tak lemas tadi..

Macamana masuk pertandingan,harap gaya je lebih!!

Hancur.. kata pandai berenang,aku yang kena jadi penyelamat



KLIK 4

Huh..ro-call..ro-call, bangun cepat bangun..

Pandanglah.. lihatlah.. tubuhku yg ramping..hu.. hu

Ishk..ishk..teringat lak dulu, masa jual carpet kat kedai Raju..



Dah-dah..dah 2 round aku bawa pusing..dah ler minyak mahal

Beb..Kenapa foam ni bau lain macam Jer??

He..he..sorry... Terlepas da....



Inilah dikatakan seerat,serasa, sehat, Sejiwa.. uhuk....

Kau ni,time macam ni lah nak bermanja dengan aku..meh sini

Kau tengok orang bawah tu,meyampah aku!



Jangan jeles...

Sat la..hang ni pun kalut! aku dok jeling pengadil ni,kot2 dpt markah lebih..

Bos...mai la join sekali..dok jeling sapa tu?

